

POLEMIK WAW THAMĀNIYAH: ANALISIS BERDASARKAN NAS DAN BAHASA ARAB

WAW THAMĀNIYAH POLEMIC: AN ANALYSIS BASED ON THE NAS AND ARABIC LANGUAGE

***Muhammad Hakim Kamal¹, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi², Khairul Asyraf Mohd Nathir³,
Mohd Farhan Md Ariffin⁴ & Khairulnazrin Nasir⁵***

Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia^{1, 2}

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia³

Pusat Kajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia⁴

Akademi Pengajian Islam Kampus Bachok, Universiti Malaya⁵

*hakimkamal@usim.edu.my¹, ahmadbazli@usim.edu.my², khai.asyraf@usim.edu.my³,
farhan.ariffin@ukm.edu.my⁴ & khairulnazrin@um.edu.my⁵*

ABSTRACT

The waw particle tethered to the eighth entity or the number eight in a speech is named waw thamāniyah. The existence of this waw is debated in several verses of the Quran. However, scholars disagree on the existence of waw thamāniyah particles. Therefore, this study aims to analyse the waw thamāniyah particles in the Quran, al-Hadith, and Arabic perspectives. This study is qualitative and uses a library study approach. The study found that the argument used in the concept of waw thamāniyah is that the matter is based on the number in the Quraish which ends with the number seven. However, its use is only in certain verses of the Quran, and the basis for this case is weak and inconsistent with other Quran verses. Even the use of waw is not found in the hadith. The analysis shows that this waw thamāniyah is a diverse waw entity depending on the context of the Quranic verse. The concept of waw thamāniyah also does not highlight the miracle of the Quran from the aspect of the language itself and is rejected by many figures in the field of Arabic.

Keywords: *Miracle; particle; number eight; Arabic; Quraisy.*

ABSTRAK

Partikel waw yang ditambat dengan entiti kelapan atau nombor lapan dalam suatu ujaran dinamakan sebagai waw thamāniyah. Kewujudan waw ini dibahaskan dalam beberapa ayat al-Quran. Namun, para sarjana berselisih pendapat mengenai kewujudan partikel waw thamāniyah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis partikel waw thamāniyah dalam al-Quran, al-Hadith, dan perspektif Bahasa Arab. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati hujah yang digunapakai dalam konsep waw thamāniyah ialah perkara tersebut berdasarkan bilangan dalam bangsa Quraisy yang berakhir dengan nombor tujuh. Namun, penggunaannya hanya pada ayat-ayat al-Quran tertentu dan sandaran perkara tersebut bersifat lemah serta tidak konsisten dalam ayat al-Quran yang lain. Malah penggunaan waw tersebut juga tidak dijumpai dalam hadith. Hasil analisis menunjukkan waw thamāniyah ini merupakan entiti waw yang pelbagai bergantung kepada konteks ayat al-Quran tersebut. Konsep waw thamāniyah ini juga tidak menonjolkan kemukjizatan al-Quran dari aspek bahasa itu sendiri dan ditolak oleh sebilangan besar tokoh dalam bidang bahasa Arab.

Kata kunci: *Mukjizat; partikel; nombor lapan; Bahasa Arab; Quraisy.*

PENDAHULUAN

Partikel *waw* dalam Bahasa Arab dikategorikan kepada beberapa jenis dan setiap satunya mempunyai peranan yang tersendiri. Al-Anshari (t.t) dalam Rivai (2023) menyatakan terdapat lima belas jenis *waw* iaitu *waw 'ataf*, *waw isti'naf*, *waw al-hal* yang masuk dalam *jumlah ismiah*, *waw al-ma'ful ma'ah*, *waw al-sarf*, *waw al-qasa*, *waw rabb*, *waw al-za'idah*, *waw thamāniyyah*, *waw* yang masuk dalam *jumlah al-mawsuf biha*, *waw al-damir al-zukur*, *waw alamat al-muzakkarin fi lughah ti'*, *waw al-inkar*, *waw al-tazakkur*, *waw* yang ditukar daripada *hamzah al-istifham* yang disandarkan kepada perkara sebelumnya. Al-Syarif (1996) pula membahagikan *waw* yang terdapat dalam al-Quran kepada tujuh bahagian iaitu *waw 'ataf*, *waw al-ibtida' al-isti'naf*, *waw al-hal*, *waw al-qasam*, *waw al-ma'iah*, *waw al-i'tirad*, dan *waw al-tawkidiyah*. Terdapat perbincangan khusus berkenaan partikel *waw* yang ditambah dengan entiti kelapan atau nombor lapan dalam suatu ujaran yang dinamakan sebagai *waw thamāniyyah*. Kewujudan *waw* ini dibahaskan dalam beberapa ayat al-Quran. Para sarjana berselisih pendapat mengenai kewujudan partikel *waw thamāniyyah*.

Kajian terdahulu berkenaan partikel *waw* telah banyak diketengahkan. Rivai (2023) telah menganalisis dari segi sintaksis penggunaan huruf *waw* dalam surah al-Qiyamah. Kajian Younis (2021) pula menjawab dakwaan terdapat penambahan huruf dalam Al-Quran, antaranya huruf *waw*. Husin dan Kamal (2020) pula mengkaji penggunaan gaya bahasa '*atf* dengan *waw* dalam surah al-Rūm yang memfokuskan perkaitan antara elemen '*atf* iaitu *ma' tūf' alayh* dan *ma' tūf* yang terdapat dalam ayat kajian. Al-Nu'aymi dan al-Bakhitawi (2020) mengkaji berkenaan pentakwilan huruf *waw* yang dibuang dalam ayat al-Quran yang mempunyai lafaz yang bersamaan. Husayn (2020) mengkaji huruf al-Ma'ani yang meliputi harf '*ataf* termasuklah *waw* dalam ayat al-Quran berkenaan dengan amanah. Naji (2020) pula mengkaji kata partikel *waw* dan *fa* sebagai kata hubung dalam ayat al-Quran yang berkait dengan sumpah dalam konteks linguistik. Khani (2022) membuat kajian perbandingan terjemahan jenis-jenis partikel *Waw* dalam terjemahan tafsir al-Quran oleh Elahi Qamsha-e, Fulladvand, dan Reza'i. Abdalqioom, A. H. (2019) juga mengkaji kesan partikel *waw* terhadap pembinaan kisah al-Quran yang memfokuskan surah al-Kahfi. Al-Azzqawi (2021) pula mengkaji penggunaan huruf *waw* dalam al-Quran.

Namun, kajian khusus mengenai partikel *waw* yang ditambah dengan entiti kelapan atau nombor lapan dalam suatu ujaran yang dinamakan sebagai *waw thamāniyyah* secara tuntas adalah sukar ditemui. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis partikel *waw thamāniyyah* berdasarkan al-Quran, al-Hadith, dan bahasa Arab.

SOROTAN KAJIAN

Waw thamāniyyah terbahagi kepada dua bahagian iaitu *waw thamāniyyah al-ma'nawiyyah* (makna) dan *waw thamāniyyah al-lafziyyah* (lafaz) (Youkhan, 2005).

Pertama: *Waw thamāniyyah al-ma'nawiyyah* adalah merujuk pada *waw* yang berada dalam teks yang datang dalam bentuk sifat makna kepada bilangan lapan. Apabila makna teks disoroti, ketika itu kedudukan *waw thamāniyyah* boleh diketahui berdasarkan bilangan yang membawa kepada lapan. Dalam hal ini, firman Allah SWT dalam Al-Zumar, apabila disebut partikel *waw* ketika disebut ahli syurga dan tidak diletakkan ketika menyebut ahli neraka. Contoh pada ayat [حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا] merujuk kepada pintu syurga yang lapan dan dibuka sebelum dimasukinya.

Kedua: *Waw thamāniyah al-lafziyyah* iaitu partikel *waw* yang datang bersama sifat angka lapan yang jelas. Dalam bentuk *lafziyyah* ini, setiap bilangan dari sifat atau perkataan pertama disebut secara berurutan sehingga sampai kepada sifat atau perkataan yang ketujuh sebelum dimasukkan partikel *waw* bagi tujuan penyebutan sifat dan perkataan kelapan. Contohnya:

﴿التَّائِبُونَ الْعَبْدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَفِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ﴾

Partikel *waw thamāniyah* yang ada pada ayat ini adalah di awal rangkai kata *لِحُدُودِ اللَّهِ* memandangkan ini adalah sifat kelapan yang diujarkan. Dalam konteks ini partikel *waw thamāniyah* pada kata *الْمُنْكَرِ* *وَالنَّاهُونَ* bertujuan menggambarkan kedudukan sifat ini berbeza dengan sifat yang disebut pada sebelumnya [بِالْمَعْرُوفِ الْأَمْرُونَ] (Ibn ‘Āsyūr, 1984; al-‘Ukbariy, 1970)

Pandangan Sarjana Berkaitan *Waw Thamāniyah*

Al-Ḥarīriy (1998) mengatakan bahawa *waw thamāniyah* menyerlahkan ciri keunggulan bahasa Arab dan partikel ini dikesan dalam al-Quran. Allah SWT berfirman:

﴿وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا...﴾

Terjemahan: “*Dan golongan yang bertakwa kepada Tuhannya dihantar ke syurga secara berombongan sehingga apabila mereka sampai kepadanya (syurga) dan pintu-pintunya telah dibuka...*”

(Surah *al-Zumar* 37: 73)

Menurut al-Ḥarīriy (1998), partikel *waw* yang ditambah dengan kata *فُتِحَتْ* tersebut adalah *waw thamāniyah* memandangkan ada lapan pintu syurga yang dibuka pada hari akhirat [فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا] berdasarkan hadis nabi Muhammad SAW (al-Ḥarīriy, 1998). Namun, al-Zarkasyiy (1990) menegaskan bahawa partikel *waw* berkenaan adalah *waw ḥāl*, iaitu menerangkan keadaan pintu syurga yang terbuka tatkala golongan beriman sampai kepadanya. Hakikatnya, Ibn Khālawayh dalam al-Qurṭubiy (2006) cenderung kepada tafsiran *waw thamāniyah* dalam rangkai kata *فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا* dan berpendapat ketiadaan partikel ini dalam rangkai kata yang hampir sama, iaitu dalam ayat 71 surah *al-Zumar* [وَسِيقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا] adalah kerana pernyataan ini berkaitan neraka yang hanya mempunyai tujuh pintu. Interpretasi *waw thamāniyah* juga dikaitkan dengan ayat 22 surah *al-Kahf*:

﴿...وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ...﴾

Terjemahan: “...*(jumlah mereka) tujuh (orang) dan yang kelapan adalah anjingnya...*”

(Surah *al-Kahf* 12: 73)

al-Tha‘labiy (2002) menegaskan bahawa partikel *waw* yang ditambah dengan rangkai kata *ثَامِنُهُمْ* adalah *waw thamāniyah* memandangkan ada angka lapan [ثَامِنٌ] selepas partikel berkenaan. Hal ini demikian kerana aspek hitungan yang lengkap dalam kalangan Arab adalah tujuh, maka angka dan bilangan kelapan akan disertakan dengan partikel *waw* (al-Tha‘labiy, 2002). Misalnya, [satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh dan lapan]. Meskipun begitu, al-Zamakhshariy (2009) berbeza pandangan dengan mengatakan bahawa partikel *waw* dalam rangkai kata *ثَامِنُهُمْ* bertujuan menegaskan ujaran *سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ* adalah bilangan *aṣḥāb kahf* yang tepat.

al-Rāziy (1981) menyatakan bahawa konsep *waw thamāniyah* adalah palsu dan ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿...الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ...﴾

Terjemahan: "...Maharaja, Yang Maha suci, Maha sejahtera, Penjaga keamanan, Pemelihara keselamatan, Maha perkasa, Maha kuasa, Pemilik segala keagungan ..."

(Surah al-Hasyr 50: 23)

Ayat ini menyenaraikan lapan sifat Allah SWT, namun tiada partikel *waw* yang ditambah pada sifat Allah SWT yang kelapan, iaitu kata الْمُتَكَبِّرُ [*pemilik segala keagungan*] (al-Rāziy, 1981).

Pandangan Sarjana Terhadap Pengistilahan *Waw Thamāniyah*

Al-Khālidīy & Idrīs (2019) berpendapat definisi *waw thamāniyah* oleh al-Fayrūz Abadiy, al-Zabīdiy dan al-Kafawiy adalah selari, iaitu partikel *waw* dalam penyebutan entiti kelapan dan angka lapan serta mempunyai kehalusan makna tertentu yang melatarinya. Penggunaan *waw thamāniyah* bertujuan mengisyaratkan bahawa angka dan bilangan ketujuh adalah hitungan lengkap di sisi orang Arab lalu hitungan selepasnya adalah bilangan baharu (al-Khālidīy & Idrīs, 2019). Contohnya, ayat 7 surah al-Hāqqah [سَحَرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا] yang mana ada partikel *waw thamāniyah* pada angka lapan [وَثَمَانِيَةَ], iaitu hitungan lengkap dalam budaya Arab sebagaimana hitungan lengkap pada masa kini, iaitu sepuluh (al-Tha'labiy, 2002).

Dalam pada itu, partikel *waw thamāniyah* adalah petanda kesahihan ujaran sebelumnya. Misalnya, ayat 22 surah al-Kahf [سَبْعَةً وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ] yang mengandungi partikel *waw thamāniyyah* dan ini menunjukkan bahawa rangkai kata sebelumnya [سَبْعَةً] adalah bilangan sebenar *aṣḥāb kahf*, iaitu 7 orang. al-Khālidīy (1992) menegaskan bahawa *waw thamāniyah* adalah *waw 'aṭf* yang memasuki bilangan entiti yang kelapan dan angka lapan bertujuan menghubungkannya dengan hitungan sebelum di samping isyarat berbezanya ciri item sebelum partikel *waw thamāniyah* dengan ciri item selepasnya.

Namun begitu, majoriti sarjana Arab, iaitu al-Qayrawāniy (2007), al-Aṣbahāniy (1995), Ibn Hisyām (1991), al-Zarkasyiy (1990), al-'Alāiy (1990), al-Waqqād (2018), al-Kirmāniy (1988), al-Andaluisy (2010), al-Ḥalabiy (1994) dan Ibn Kathīr (1998) tidak cenderung kepada pengistilahan *waw thamāniyah* memandangkan tiada bukti relevan berkaitan kesahihannya dalam bahasa Arab.

Ibn Hisyām (1991) mengatakan bahawa istilah *waw thamāniyah* dikaitkan dengan kata تَبَيَّنَتْ عَلَى رُبِّهِ أَنْ طَلَّقَكُمْ أَنْ يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُمْ مُسْلِمَاتٍ مُؤْمِنَاتٍ قَنَاطٍ أَبْكَارًا dalam ayat 5 surah al-Tahīm [تَبَيَّنَتْ عَلَى رُبِّهِ أَنْ طَلَّقَكُمْ أَنْ يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُمْ مُسْلِمَاتٍ مُؤْمِنَاتٍ قَنَاطٍ أَبْكَارًا] memandangkan ini adalah ciri kelapan dalam firman tersebut. Hakikatnya, perawan [أَبْكَارًا] adalah ciri kesembilan yang diujarkan dalam ayat berkenaan yang mana ciri pertama yang diketengahkan ialah baik [خَيْرًا مِنْكُمْ] bukannya muslimah [مُسْلِمَاتٍ] (Ibn Hisyām, 1991).

Zādah (t.t) menegaskan bahawa pengistilahan *waw thamāniyah* dalam rangkai kata تَبَيَّنَتْ وَأَبْكَارًا adalah interpretasi yang tidak relevan. Hal ini demikian kerana ciri *waw thamāniyah* berdasarkan hujahan sarjana yang cenderung kepadanya ialah partikel ini juga menggabungkan himpunan sifat bagi satu entiti. Hakikatnya, kata تَبَيَّنَتْ [*janda*] dan kata أَبْكَارًا [*perawan*] adalah entiti yang berbeza dan saling berlawanan antara satu dengan yang lain. Maka, seharusnya ada partikel *waw 'aṭf* [*waw penghubung*] yang bertujuan menyerlahkan perbezaan ciri antara keduanya. Tambahan pula, para sarjana yang cenderung kepada pengistilahan *waw thamāniyah* mendakwa keguguran partikel ini

tidak akan mempengaruhi makna. Jika partikel *waw* dalam rangkai kata *ثَبَّتَ وَأَبْكَرًا* difahami sebagai *waw thamāniyah* dan seandainya partikel tersebut digugurkan [ثَبَّتَ أَبْكَرًا], maka ini akan merosakkan makna rangkai kata berkenaan (Zādah, t.t).

Al-Waqqād (2018) menegaskan bahawa sarjana yang cenderung kepada fenomena *waw thamāniyah* dalam al-Quran berpendapat partikel ini tidak mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu, hanya partikel semata dan harus digugurkan atau diserlahkan. Pernyataan ini hakikatnya bertentangan dengan ciri balaghah al-Quran (al-Khālidīy & Idrīs, 2020). Misalnya, al-Tha‘labiy (2002) mengatakan bahawa ada partikel *waw thamāniyah* dalam 7 *al-Hāqqah* [سَحَرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا] yang mana ditambah dengan rangkai kata *وَتَمَانِيَةَ أَيَّامٍ* [lapan hari]. Hakikatnya, jenis *waw* tersebut adalah *waw ‘atf* yang mesti diserlahkan, bukan *waw thamāniyah* yang berstatus pilihan (Ibn Hisyām, 1991). Begitu juga ayat 112 surah *al-Tawbah* [التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ] yang mana al-Tha‘labiy (2002) mengatakan bahawa ada partikel *waw thamāniyah* yang ditambah pada rangkai kata *النَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ* memandangkan ini adalah ciri kelapan yang diujarkan dalam firman berkenaan. Namun, al-Subkiy (2003) menegaskan bahawa pengistilahan *waw* tersebut sebagai *waw thamāniyah* adalah hujahan lemah yang tiada sandaran mampan. Hal ini demikian kerana jika diamati, rangkai kata *الآمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ* [menyuruh melakukan kebaikan] dan *النَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ* [mencegah kemungkaran] berkisarkan dua sifat yang ada perkaitan, namun berbeza dan saling berlawanan antara satu dengan yang lain. Maka, seharusnya disertakan partikel penghubung, iaitu *waw ‘atf* antara dua rangkai berkenaan bertujuan menyerlahkan dua sifat yang tersendiri (al-Subkiy, 2003). Ini juga adalah interpretasi bagi rangkai kata *غَافِرِ الذَّنْبِ* [pengampun dosa] dan *قَابِلِ التَّوْبِ* [penerima taubat] dalam ayat 3 surah *Ghafir* yang mana terdapat partikel *waw ‘atf* antara keduanya.

Al-Syatiriy (2014) menyatakan bahawa majoriti para sarjana menafikan kewujudan partikel *waw thamāniyah* dalam bahasa Arab dan cirinya di samping tiada kehalusan makna di sebalik penggunaannya.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan kaedah sorotan perpustakaan dan analisis dokumen. Pengkaji menganalisis pandangan sarjana berkenaan *waw thamāniyah* dalam ayat-ayat al-Quran yang terpilih dan melihat juga penggunaan *waw thamāniyah* dalam ayat al-Quran yang lain, hadith-hadith, dan penggunaan bahasa Arab sendiri. Ayat al-Quran lain dan hadith yang mempunyai corak yang sama seperti ayat al-Quran yang mempunyai *waw thamāniyah* dianalisis termasuk penggunaan *waw thamāniyah* dari aspek bahasa Arab Quraisy seperti yang didakwa oleh sebahagian sarjana.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan himpunan karya nahu, saraf dan balaghah Arab serta tafsir al-Quran yang muktabar, terdapat lima ayat al-Quran yang dikaitkan dengan perbincangan partikel *waw thamāniyah*.

i. Ayat 112 surah *al-Tawbah*

﴿التَّائِبُونَ الْعَبْدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ يَنْصَبِرُ الْمُؤْمِنِينَ﴾

Firman ini menceritakan pujian Allah SWT kepada golongan mukmin yang mempunyai kesempurnaan iman lalu mencapai kejayaan yang besar dengan memiliki sifat mulia yang diujarkan.

Dalam ayat ini, sarjana bahasa Arab dan sarjana tafsir berbeza pandangan berkaitan posisi partikel *waw thamāniyah*. al-Alūsiy (1994) dan al-Bayḍāwīy (1997) berpendapat partikel *waw thamāniyah* ada di awal rangkai kata *لِحُدُودِ اللَّهِ وَالْحَافِظُونَ* memandangkan ini adalah sifat kelapan yang diujarkan. Ibn ‘Āsyūr (1984) dan al-‘Ukbariy (1970) pula mengatakan bahawa partikel *waw thamāniyah* ada dalam rangkai kata *وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ* [mencegah kemungkaran] bertujuan mengisyaratkan bahawa sifat ini berbeza dengan sifat yang diujarkan sebelumnya [بِالْمَعْرُوفِ الْأَمْرُونَ] [menyuruh kepada kebaikan]. Walau bagaimanapun, ini adalah interpretasi lemah yang tiada justifikasi mampan (Ibn Jamā‘ah, 1990; al-Ḥalabiy, 1994). al-Qurṭubiy (2006) dan Ibn ‘Aṭiyyah (2001) menyatakan bahawa partikel *waw* yang ditambah dengan rangkai kata *وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ* bercirikan *waw* tambahan [وَأَوِ الزَّائِدَةُ], namun hujahan ini juga lemah dan tiada sandaran. Abū al-Su‘ūd (1999), al-Syawkāniy (2007), al-Jawziyyah (2010) dan al-Ḥalabiy (1994) menegaskan bahawa partikel *waw* dalam rangkai kata *وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ* adalah partikel *waw* penghubung [وَأَوِ الْعُطْف]. Hal ini demikian kerana rangkai kata sebelum [الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ] dan selepas *waw* berkenaan [وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ] adalah dalam konteks yang sama, namun menyerlahkan makna yang saling berlawanan antara satu dengan yang lain memandangkan setiap sifat tersebut berdiri dengan sendirinya.

ii. Ayat 22 surah *al-Kahfi*

﴿سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةً رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةً سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًا بِالْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةً وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ...﴾

Ayat ini menjelaskan tentang pendapat berkaitan bilangan *aṣḥāb kahfi* yang berkisarkan tiga pandangan, iaitu tiga orang [ثَلَاثَةً], lima orang [خَمْسَةً] dan tujuh orang [سَبْعَةً]. Rangkai kata *ثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ* mengandungi partikel *waw* yang ditambah dengan kata *ثَامِنُهُمْ* [lapan]. Maka, para sarjana berbeza hujahan tentang kategori partikel *waw* tersebut. al-Qurṭubiy (2006), al-Tha‘labiy (2002), al-Baghawiy (1989) dan al-Fayrūzābādīy (1996) menyatakan bahawa partikel *waw* berkenaan adalah *waw thamāniyah*. Namun, al-Ḥalabiy (1994), al-Suyūṭīy (2008) dan al-Iskandariy (1935) menegaskan bahawa hujahan berkenaan adalah lemah. al-Zamakhshariy (2009), al-Bayḍāwīy (1997) dan al-‘Ukbariy (1970) berpendapat partikel *waw* dalam rangkai kata *ثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ* adalah *waw* dalam ayat dengan fungsi sifat [سَبْعَةً] bagi kata nama am yang sebelumnya [سَبْعَةً]. Walau bagaimanapun, al-Andalusiyy (2010) menegaskan bahawa interpretasi berkenaan tidak diutarakan oleh majoriti sarjana nahu memandangkan mereka berpendapat adanya partikel *waw* dalam ayat kategori sifat apabila ada perbezaan makna antara rangkai kata sebelum *waw* dan rangkai kata sesudahnya dan ciri ini tiada dalam rangkai kata *ثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ*. Ibn Hisyām (1991) berpendapat partikel *waw* dalam rangkai kata *ثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ* merujuk kepada *waw* yang menjelaskan keadaan [وَأَوِ الْحَالِيَةِ] serta

ada kata tunjuk [هَؤُلَاءِ] yang digugurkan dengan andaian, iaitu هَؤُلَاءِ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ. Namun, al-Naḥḥās (2000), Ibn al-Jawziy (2002) dan al-Zajjāj (1987) menyatakan bahawa partikel waw tersebut bercirikan waw tambahan [وَأُو الرائدة] yang bertujuan menegaskan makna ujaran. al-Qaysiy (1984) dan al-‘Ukbariy (1970) pula mengatakan bahawa partikel waw dalam rangkai kata هَؤُلَاءِ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ adalah waw *isti’nāf* [permulaan cerita baharu] manakala al-Suhayliy (1967), al-Suyūṭiy (2008) dan Ibn Jinniy (2000) berpendapat waw berkenaan berkisarkan waw *‘aṭf*.

Jika diamati, rangkai kata هَؤُلَاءِ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ datang selepas daripada dua pandangan dalam rangkai kata هَؤُلَاءِ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًا بِالْغَيْبِ yang diakhiri dengan رَجْمًا بِالْغَيْبِ menunjukkan bahawa rangkai kata هَؤُلَاءِ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ bertujuan menegaskan makna. Oleh sebab itu, hujahan bahawa partikel waw dalam rangkai kata adalah sama ada waw *isti’nāf*, waw *‘aṭf* atau waw *zāidah* adalah lebih relevan memandangkan fungsi sebegini menyerlahkan aspek penegasan makna.

iii. Ayat 73 surah *al-Zumar*

﴿وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا...﴾

Adanya partikel waw dalam firman ini yang ditambah dengan rangkai kata فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا yang menceritakan pintu syurga yang dibuka pada hari akhirat. Majoriti sarjana berbeza pendapat berkaitan kategori partikel waw berkenaan. al-Khāzin (1995) dan al-Iskāfiy (2001) berpendapat waw tersebut adalah waw *thamāniyah*. Namun begitu, Ibn Hisyām (1991) dan al-Jawziyyah (2010) menegaskan bahawa interpretasi tersebut adalah lemah memandangkan tiada bilangan kelapan dan angka lapan yang diujarkan serta hanya pintu-pintu [أَبْوَاب] yang ditekankan dengan bilangan jamak, namun tidak merujuk kepada bilangan khusus. Suatu yang pasti ialah hujahan waw *thamāniyah* berkenaan adalah berdasarkan hadis nabi Muhammad SAW riwayat al-Bukhāriy (no. 32570) dan Muslim (no. 2340) yang menjelaskan bahawa terdapat lapan pintu syurga. Selain itu, al-Alūsiy (1994), al-Tha‘labiy (2002) dan al-Kirmāniy (1988) mengatakan bahawa partikel waw dalam rangkai kata فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا merujuk kepada waw *ḥāl* [keadaan] yang mana ketika golongan mukmin hendak memasuki syurga, pintu-pintu syurga dalam keadaan terbuka. Ini selari dengan firman Allah dalam 50 *Ṣād* [الْأَبْوَابُ جَنَّاتٍ عِدْنٍ مِّن مِّنْهَا يُخْرَجُ مِنْهَا نَهْرٌ يَّجْرُ وَفِيهَا كُرْسِيُّهَا وَمِنْهَا الْوُجُوهُ] [syurga ‘Adn yang mana pintu-pintunya terbuka untuk mereka]. Di samping itu, al-Anbāriy (1961), al-Naḥḥās (2000) dan al-Qurtubiy (2006) pula menyatakan bahawa partikel waw dalam rangkai kata فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا bercirikan *‘aṭf*. Manakala al-Qāsimiy (1997), al-Zajjāj (1987) dan al-Baghawiy (1989) berpendapat waw berkenaan adalah waw *zāidah* dengan fungsi penegasan makna dan makna ujaran masih lengkap sekiranya partikel ini digugurkan dengan andaian, iaitu حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا.

Suatu yang pasti ialah interpretasi ketiga [waw *‘aṭf*] dan interpretasi keempat [waw *zāidah*] bagi jenis waw dalam rangkai kata فُتِحَتْ أَبْوَابُهَا adalah relevan. Hal ini demikian kerana apabila golongan mukmin mendatangi syurga, mereka mendapati pintunya tertutup. Individu pertama yang akan meminta pintu syurga dibuka ialah nabi Muhammad SAW sebagaimana hadis riwayat Muslim, iaitu:

﴿أَنَا أَكْثَرُ الْأَنْبِيَاءِ تَبَعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ يَفْتَحُ بَابَ الْجَنَّةِ﴾

Terjemahan: “Akulah nabi yang paling banyak pengikut pada hari kiamat dan akulah orang pertama yang akan membuka pintu syurga”

(Riwayat Muslim, no.: 331)

Dalam riwayat Muslim yang lain (no. 333) menjelaskan bahawa istimewa dan tingginya kedudukan nabi Muhammad SAW di sisi Allah SWT yang mana ketika golongan beriman sampai ke syurga, mereka mendapati pintunya tertutup. Maka, nabi Muhammad SAW meminta agar pintu syurga dibuka. Hakikatnya, ayat 5 surah *Ṣād* [جَنَّتٍ عَذْنٍ مُّقْتَحَةٍ لَهُمُ الْأَبْوَابُ] menceritakan apabila golongan mukmin telah memasuki syurga, maka pintu syurga tersebut akan kekal terbuka. Penghuninya dan para malaikat keluar dan masuk sebagaimana yang mereka kehendaki.

iv. Ayat 5 surah *al-Tahīm*

﴿عَسَىٰ رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَكُنَّ أَنْ يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِّنْكَنَّ مُسْلِمَتٍ مُّؤْمِنَةٍ فَنِّتَتْ تَبَّتْ عِدَّتِ سَحَّتِ تَبَّتْ وَأَبْكَارًا﴾

Terdapat partikel *waw* yang ditambah dengan kata أَبْكَارًا [*perawan*] dan para sarjana berbeza pendapat mengenai kategori *waw* tersebut. al-Iskandariy (1935), al-Baghawiy (1989) dan al-Tha‘labiy (2002) menyatakan bahawa partikel *waw* dalam rangkai kata تَبَّتْ وَأَبْكَارًا ialah *waw thamāniyah* memandangkan ciri perawan [أَبْكَارًا] adalah sifat kelapan yang diujarkan dalam firman berkenaan. Namun, kebanyakan sarjana, iaitu al-Rāziy (1981), al-Zamakhshariy (2009), Ibn Hisyām (1991) dan Ibn ‘Aṭiyyah (2001) menegaskan bahawa interpretasi *waw thamāniyah* adalah tidak relevan. Ini kerana sekiranya partikel *waw* dalam rangkai kata تَبَّتْ وَأَبْكَارًا adalah *waw thamāniyah*, maka partikel ini boleh digugurkan dengan andaian تَبَّتْ وَأَبْكَارًا. Hakikatnya, partikel *waw* ini adalah signifikan yang mengisyaratkan bahawa adalah sifat janda [تَبَّتْ] dan sifat perawan [أَبْكَارًا] adalah dua ciri berbeza yang saling berlawanan antara satu dengan yang lain (al-Rāziy, 1981; al-Zamakhshariy, 2009). Oleh sebab itu, adanya partikel *waw* bertujuan menggabungkan dua sifat ini dan sekiranya partikel ini digugurkan, maka makna ujaran adalah tidak lengkap (al-Andalusi, 2010). Ibn ‘Ādil (1998) mengatakan bahawa partikel *waw* dalam rangkai kata تَبَّتْ وَأَبْكَارًا bercirikan *waw ‘aṭf*. *Waw ‘aṭf* ini bertujuan menyerlahkan kontradiknya sifat janda [تَبَّتْ] dengan sifat perawan [أَبْكَارًا] yang mana ketiadaan sifat ini secara bersama dalam diri wanita.

v. Ayat 7 surah *al-Hāqqah*

﴿سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ﴾

Dalam firman ini, ada partikel *waw* dalam rangkai kata ثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ dan para sarjana datang dengan variasi hujahan tentang kategori *waw* tersebut. Menurut al-Tha‘labiy (2002), partikel *waw* berkenaan ialah *waw thamāniyah* memandangkan partikel ini ditambah dengan angka lapan [ثَمَانِيَةَ]. Namun, Ibn Hisyām (1991) berpendapat hujahan tersebut adalah lemah dan tidak relevan. Ini kerana partikel *waw* berkenaan tergolong dalam kategori *waw ‘aṭf* (Ibn Hisyām, 1991; al-Syawkāniy, 2007). Tambahan pula, sekiranya partikel *waw* dalam rangkai kata ثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ berkisarkan *waw thamāniyah*, maka partikel ini

boleh digugurkan dengan andaian, iaitu سَبْعَ لَيَالٍ وَتَمَنِيَةً أَيَّامٍ yang tidak gramatis. Hakikatnya, partikel *waw* tersebut mesti diserlahkan untuk menyempurnakan ujaran dan makna.

***Waw Thamāniyah* dalam Ayat al-Quran yang lain**

Dapatan menunjukkan tiada penggunaan *waw thamāniyah* dalam ayat al-Quran yang lain. Sebagai contoh firman Allah SWT:

﴿...الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِيمُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ...﴾

Terjemahan: "...Maharaja, Yang Maha suci, Maha sejahtera, Penjaga keamanan, Pemelihara keselamatan, Maha perkasa, Maha kuasa, Pemilik segala keagungan ..."

(Surah al-Ḥasyr 50: 23)

Ayat ini menyenaraikan lapan sifat Allah SWT, namun tiada partikel *waw* yang ditambah pada sifat Allah SWT yang kelapan, iaitu kata الْمُتَكَبِّرُ [*pemilik segala keagungan*] (al-Rāziy, 1981).

Ini menunjukkan penggunaan *waw thamāniyah* adalah tidak konsisten dalam al-Quran dan hanya melibatkan ayat-ayat tertentu.

***Waw Thamāniyah* dalam Hadith**

Berdasarkan pencarian dalam kitab-kitab syarah hadis, perbincangan *waw thamāniyah* hanya ditemui dalam perbincangan sarjana berkenaan ayat al-Quran. Setelah penelitian dibuat, terdapat satu hadith yang menyebutkan lapan perkara iaitu dalam doa minta hujan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Hadith tersebut adalah sebagaimana berikut:

اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مَغِيثًا مَرِيئًا مَرِيغًا سَرِيغًا غَدَقًا طَبَقًا عَاجِلًا غَيْرَ رَائٍ نَافِعًا غَيْرَ ضَارٍّ تَمَلُّا بِهَ الصَّرْعَ وَثَبِّتْ بِهِ

الزَّرْعَ وَنُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تَخْرُجُونَ

"Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang merata, segera, menyuburkan, lebat, merata, segera tanpa kelambatan, bermanfaat tanpa bahaya. Hujan yang dapat memenuhi ambing (kantong kelenjar) susu binatang ternak, yang menumbuhkan tanaman, yang menghidupkan tanah setelah mati (karena kekeringan)."

(Riwayat al-Bayhaqi dalam Dalail al-Nubuwwah)

Dapat diperhatikan dalam lafaz tersebut sifat kepada hujan disebutkan sebanyak 13 perkara namun tidak digunakan *waw thamāniyah* pada kedudukan ke-8.

***Waw thamāniyah* dalam bahasa Arab**

al-Qayrawāniy (2007) mengatakan bahawa interpretasi *waw thamāniyah* terserlah dalam 73 *al-Zumar* [وَتُنَبِّئُ عَنْ أَبْنَائِهَا] memandangkan firman ini menceritakan syurga dengan lapan pintu berdasarkan hadis nabi Muhammad SAW adalah tafsiran yang tidak diutarakan oleh sarjana nahu. Hakikatnya, hanya sebahagian sarjana tafsir cenderung kepada hujahan tersebut (al-Qayrawāniy, 2007). Ibn Hisyām (1991) dan al-Subkiy (2003) menegaskan bahawa tiada sandaran yang mampan mengenai konsep *waw thamāniyah* dalam bahasa Arab. Maka, tidak hairanlah apabila al-Harawiy (1993) menyatakan bahawa ada 12 kategori partikel *waw* dalam bahasa Arab dan tiada istilah *waw thamāniyah*. Malah, hujahan bahawa adanya partikel *waw* kategori ini dalam 22 *al-Kahfi* [سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ] adalah interpretasi yang tidak dipersetujui oleh majoriti sarjana nahu (al-Azhariy, 2018). Hal ini demikian kerana *waw thamāniyah* tiada perkaitan dengan ciri fleksi serta tidak mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu (al-Azhariy, 2018).

***Waw thamāniyah* dalam bangsa Quraisy**

Al-Qurtubiy (2006) menjelaskan bahawa dalam kalangan orang Arab, bilangan angka satu hingga tujuh adalah bilangan yang lengkap, manakala menurut Al-Tha'labiy (tahun) bilangan angka mengikut orang Arab terhenti pada angka tujuh dan telah melengkap bilangan sempurna dalam perkiraan mereka. Ibn Hisyām (1991) menambah bahawa sekiranya terdapat penambahan pada angka selepas pada bilangan tujuh, maka perlu kepada *waw* yang merujuk kepada *thāminiah*. Maka, kedudukan angka tujuh ini adalah penghujung kepada bilangan sebagaimana angka sepuluh yang merujuk kepada penghujung bagi perkiraan kita pada hari ini.

Kedudukan angka tujuh dan pembentukan angka lapan yang berbeza ini adalah situasi bahasa bagi orang Quraisy sebagaimana penegasan dari Abu Hayyan Al-Andalusiy (2010):

“Sesungguhnya bangsa Quraisy apabila mereka bertutur, mereka akan menyebut angka dengan enam, tujuh dan (*Waw*) lapan, sembilan. Partikel *waw* hanya dimasukkan sebelum angka lapan sahaja dan tidak berlaku pada angka sebelum dan selepasnya.”

Dalam konteks ini, partikel *waw* yang disebut sebelum pada angka lapan atau juga pada sifat bilangan kelapan merupakan sifat kepada *ma'dudāt* kerana kedudukan angka dan sifat lapan itu adalah sebagaimana kedudukan bilangan kesepuluh pada perkiraan ketika ini. Maka, kedudukan ini bukan setakat pertambahan partikel *waw* semata-mata, bahkan mempunyai tujuan tersendiri iaitu merujuk kepada *mubalaghah* (sesuatu membesarkan).

Namun, penggunaan *waw thamāniyah* dalam al-Quran menunjukkan sesuatu yang tidak konsisten selain sandaran perkara tersebut yang lemah. Malah baginda Nabi SAW sendiri tidak mempraktikkan penggunaan tersebut dalam sabdaan baginda seperti hadith yang telah dikemukakan.

KESIMPULAN

Hujah yang digunapakai dalam konsep *waw thamāniyah* ialah perkara tersebut berdasarkan bilangan dalam bangsa Quraisy yang berakhir dengan nombor tujuh. Namun, penggunaannya hanya pada ayat-ayat al-Quran tertentu dan sandaran perkara tersebut bersifat lemah serta tidak konsisten dalam ayat al-Quran yang lain. Malah penggunaan *waw thamāniyah* juga tidak dijumpai dalam hadith. Hasil analisis menunjukkan *waw thamāniyah* ini merupakan entiti *waw* yang pelbagai bergantung kepada konteks ayat al-Quran tersebut. Konsep *waw thamāniyah* ini juga tidak menonjolkan kemukjizatan al-Quran dari aspek bahasa itu sendiri dan ditolak oleh sebilangan besar tokoh dalam bidang bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan yang diberikan melalui pembiayaan geran penyelidikan PPPI/PTJ/KGI/USIM/15423. Sokongan ini amat dihargai dan telah memungkinkan penyelidikan ini dilaksanakan dengan jayanya.

BIBLIOGRAFI

Abdalqioom, A. H. (2019). The Impact of (Al Waw) on Quranic Stories Building-The story of Men of the Cave as a model An analytical Study. *Basic Education College Magazine For Educational and Humanities Sciences*, (43).

- Abū al-Su‘ūd. M. M. A. (1999). *Tafsīr abī al-su‘ūd aw irsyūd al-aql al-salīm ilā mazāyā al-qur‘ān al-karīm*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr.
- Al-‘Alāiy, S. A. K. (1990). *Al-Fuṣūl al-mufīdah fī al-waw al-mazīdah*. Amman, Jordan: Dār al-Basyīr.
- Al-‘Ukbariy, A.A. (1970). *Imlā’ mā manna bihi al-raḥmān min wujūh al-i‘rāb wa al-qirā‘āt fī jamī‘ al-qur‘ān*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Alūsiy, S. M. A. (1994). *Rūḥ al-ma‘āniy fī tafsīr al-qur‘ān al-‘azīm wa sab‘ al-mathāniy*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Anbāriy, K. A. (1961). *Al-Inṣāf fī masā’il al-khilāf bayn al-naḥwiyyīn: al-baṣriyyīn wa al-kūfiyyīn*. Egypt: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah.
- Al-Andalusiy, A. Y. A. (2010). *Al-Baḥr al-muḥiṭ fī tafsīr*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Al-Aṣbahāniy, I. M. A. (1995). *I‘rāb al-qur‘ān*. Riyadh, Saudi Arabia: Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Al-Azzqawi, M. A. (2021). The uses of the letter (waw) in stances from the Holy Quran. *Kut University College Journal for Humanitarian Science*, 2(1), 123-139.
- Al-Baghawiy, H. M. (1989). *Ma‘ālim al-tanzīl*. Riyadh, Saudi Arabia: Dār Ṭaybah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Al-Bayḍāwiy, N. A. U. (1997). *Anwār al-tanzīl wa asṭār al-ta’wīl*. Beirut, Lebanon: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- Al-Fayrūzābādiy, M. Y. (1996). *Baṣā’ir dhawī al-tamyīz fī laṭā’if al-kitāb al-‘azīz*. Egypt: al-Majlis al-A‘lā li al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Ḥalabiy, A. (1994). *Al-Durr al-maṣūn fī ‘ulūm kitāb al-maknūn*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Harawiy, A. M. (1993). *Al-Azhiyah fī ‘ilm al-ḥurūf*. Damascus, Syria: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Dimasyq.
- Al-Ḥarīriy, Q. A. M. (1998). *Durrah al-ghawwāṣ fī awhām al-khawwāṣ*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Al-Iskāfiy, K. (2001). *Durrah al-tanzīl wa gurrah al-ta’wīl*. Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Al-Iskandariy, M. M. (1935). *Al-Intiṣāf min al-kasysyāf li ibn al-munīr*.
- Al-Jawziyyah, M. M. (2010). *Badā’i‘ al-fawā'id*. Beirut, Lebanon: Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Al-Khālidiy, M. S., Idrīs, A. A. (2019). Da’wā wujūd “waw thamāniyah” fī al-qur‘ān al-karīm. *Journal of sharia and Islamic studies*, 10(2), 117-138.
- Al-Khālidiy, S. A. (1992). *Laṭā’if qur‘āniyyah*. Damascus, Syria: Dar al-Qalām.
- Al-Khāzin, A. M. I. (1995). *Lubāb al-ta’wīl fī ma‘āniy al-tanzīl*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kirmāniy, M. H. N. (1988). *Gharāib al-tafsīr wa ‘ajāib al-ta’wīl*. Jeddah, Saudi Arabia: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah.
- Al-Naḥḥās, A. M. I. (2000). *I‘rāb al-qur‘ān*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nu‘aymi, Muna Hamid and Al-Bakhitawi, al-‘Ammad Muhammad (2020). Ta’wil Hazf Harf (al-Waw) fī al-Mutashabih al-Lafzi. *Al-Adab Journal*, Vol. 135, Issue No. 2 (December).
- Al-Qāsimiy, M. J. M. (1997). *Maḥāsin al-ta’wīl*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qayrawāniy, A. F. A. (2007). *Al-Nukat fī al-qur‘ān al-karīm*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qaysiy, M. A. (1984). *Musykil i‘rāb al-qur‘ān*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Risālah.
- Al-Qurṭubiy, M. A. (2006). *Al-Jāmi‘ li aḥkām al-qur‘ān*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Risālah.

- Al-Rāziy, M. U. H. (1981). *Tafsīr al-Fakhr al-Rāziy: al-musytahar bi tafsīr al-kabīr wa mafū'ūh al-ghayb*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Al-Subkiy, B. (2003). *Arūs al-afiāh fī syarḥ talkhīṣ al-mifū'ūh*. Beirut, Lebanon: Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Al-Suhayliy, A. (1967). *Al-Rawḍ al-unf fī syarḥ al-sīrah al-nabawiyyah li ibn hisyām wa ma'āhu al-sīrah al-nabawiyyah li al-imām ibn hisyām*. Egypt: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah
- Al-Suyūṭiy, A. A. (2008). *Al-itqān fī 'ulūm al-qur'ān*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Risālah Nāsyirūn.
- Al-Syatiriy, S. N. (2014). *Syarḥ bulūgh al-marām min adillāh al-aḥkām*. Riyadh, Saudi Arabia:
- Al-Syawkāniy, M. A. M. (2007). *Faḥ al-qadīr al-jāmi' bayn fannay al-riwāyah wa al-dirāyah min 'ilm al-tafsīr*. Beirut, Lebanon; Dār al-Ma'rifah.
- Al-Tha'labiy, A. M. I. (2002). *Al-Kasyf wa al-bayān 'an tafsīr al-qur'ān*. Beirut, Lebanon: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Al-Waqqād, K. A. (2018). *Muwaṣṣil al-tullāb ilā qawā'id al-i'rāb* (4th ed.). Sanaa, Yemen: Dār al-Āthār.
- Al-Zajjāj, A. S. (1987). *Ma'āniy al-qur'ān wa i'rābuhu*. Beirut, Lebanon: 'Ālam al-Kutub.
- Al-Zamakhshariy, A. (2009). *Tafsīr al-kasysyāf* (3rd ed.). Beirut, Lebanon: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Zarkasyiy, B. M. A. (1990). *Al-Burhān fī 'ulūm al-qur'ān*. Beirut, Lebanon: Dār al-Ma'rifah
- Dār Kunūz Isybīliyyā.
- Husayn, Muna Ibrahim 'Abid (2020). The meanings letters in the verses of trust in the Holy Quran. *Journal of the College of Basic Education, no. 106, vol. 26, p. 281-302*
- Hussin, M. and Kamal, M.H. 2020. Gaya Bahasa 'Atf dengan Waw dalam Surah Al-Rūm. *Abqari Journal. 22, 1 (Apr. 2020), 51–70*. DOI:<https://doi.org/10.33102/abqari.vol22no1.279>.
- Ibn 'Ādil, A. U. (1998). *al-Lubāb fī 'ulūm al-kitāb [tafsīr ibn 'ādil]*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Āsyūr, M. T. (1984). *Tafsīr al-taḥrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tunissiyah li al-Nasyr.
- Ibn 'Aṭiyyah, A. G. (2001). *al-Muḥarrir al-wajīz fī tafsīr al-kitāb al-'azīz*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jawziy, A. A. M. (2002). *Zād al-masīr fī 'ilm al-tafsīr*. Beirut, Lebanon: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Hisyām, A. Y. A. (1991). *Mughnī al-labīb 'an kutub al-a'ūn*. Beirut, Lebanon: Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Ibn Jamā'ah, A. M. I. (1990). *Kasyf al-ma'āniy fī al-mutasyābih min al-mathāniy*. Mansoura, Egypt: Dār al-Wafā'.
- Ibn Jinniy, U. (2000). *Sirr ṣinā'ah al-i'rāb*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Khani Kalgay, H., & Azaran, E. (2022). A comparative study of the transliteration of the types of. *Comparative Studies of Quran, 7(1)*, 101-123.
- Naji, H. A. (2020). Structural-semantic analysis study from the eloquence of methods request and not request's construction in the Holy Quran. *Ishraqat tanmawia, 5(22)*.
- Rivai, A. (2023). [AR] Waw wa Isti'malatuha al-Lughawiyyah fī Surah al-Qiyamah: Dirasah Tahliliyah Nahwiyyah: Waw and its Use in Language in Surat Al-Qiyamah: A Syntax Analysis Study. *Afaq Lughawiyyah, 1(1)*, 89-102.
- Syarif, Muhammad Hasan. (1417 H/1996 M). *Mu'jam Huruf al-Ma'ani fī al-Qur'an alKarim*. J.3. Cet.1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Younis, K. A. A. K. Y. (2021). The suit to increase the letters in the Holy Quran, and the response to it Through the most famous letters of the addition:(from, ma, ba, no, and waw). *The bulletin of the Faculty of Islamic and Arabic Studies for Girls in Alexandria, 37(1)*, 603-685.
- Youkhan Marza Al-Khamis (2005), Waw al-Thamāniyah. *Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi Dimashq, 80 (4)*, 808-828.
- Zādah, S. (t.t). *Syarḥ qawā'id i'rāb li ibn hisyām*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.